

Benar "The Malay Dilemma" 4 kali cetak

WA 29 JUNI 78
KOTA BHARU,
28 Jun — **Datuk Seri**
Dr. Mahathir Mohamad hari ini menga-
ku buku karangan-
nya "The Malay Di-
lemma" yang diha-
ramkan di negara ini
telah dicetak buat
kali keempat di Singa-
pura.

Katanya, beliau memang memberi kebenaran kepada sebuah pencetak di Republik itu bagi mencetak semula buku tersebut dan ada menerima bayaran royalti dari pencetak berkenaan.

"Oleh kerana buku tersebut tidak diharamkan di Singapura, adakah salah kalau saya menerima bayaran royalti dari buku karangan saya sendiri?" tanya beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata demi-

19 tahun memerintah Kelantan."

Mengenai cabaran Datuk Asri supaya beliau melonggarkan pengharaman rapat umum selama empat jam serta menghalalkan pengharaman bukunya beberapa ketika bagi mengadakan perdebatan terbuka. Timbalan Perdana Menteri berkata bagi Datuk Asri iktidar dan halal adalah satu perkara yang dipandang ringan "kerana ia tidak sedikitpun menghor-mati undang-undang kerana jika menghormatinya, sudah tentu ia tidak membuat cabaran seumpama itu."

Menurutnya, bagi Datuk Asri sebelum PAS memasuki Kerajaan Barisan Nasional parti BN dianggapnya sebuah parti yang haram tetapi setelah PAS menjadi parti Komponen BN dihalalkan oleh Datuk Asri.

Tetapi setelah PAS keluar dari BN Datuk Asri sekali lagi menyatakan bahawa BN itu sebuah parti yang haram.

Terhadap soalan Datuk Asri mengapa beliau tidak pernah menyerang atau mengulas penangkap Datuk Abdullah Ahmad, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengaku dirinya seorang komunis, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "dalam sese-

buah kerajaan adalah tidak perlu bagi semua kabinetnya menyerang, mengulas atau membincangkan satu perkara yang sama kerana setiap perkara itu ada menteri yang bertanggungjawab.

"Dalam soal Datuk Abdullah, Menteri Pengerangan dan Menteri Dalam Negeri telah mengulasnya dan saya sendiri tidak perlu lagi membuat sebarang ulasan."

Sebaliknya, Datuk Seri Dr. Mahathir bertanyakan Datuk Asri sama ada beliau juga pernah menyerang atau mengkritik Datuk Abdullah semasa PAS masih berada dalam BN dan beliau sendiri menjadi Menteri Kabinet.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, semasa PAS mula-mula keluar dari BN memang belum berlaku perpecahan di kalangan orang Melayu tetapi sekarang dengan adanya issue tertentu yang dibangkitkan oleh parti itu menjelang pilihanraya ini nyata benar perpecahan orang Melayu telah tergunat.

Antara issue yang digunakan oleh PAS terutama di Kedah ialah soal kafir-mengkafir, orang PAS haram berkahwin dengan orang UMNO dan adalah haram bagi orang PAS menyembahyangkan mayat orang UMNO.